

DATE: 04/08/2007

Penyertaan bumiputera diperkasa

UM - 4/8/2007

BUTTERWORTH 3 Ogos - Kerajaan negeri memberi jaminan akan memastikan penyertaan bumiputera dalam pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Koridor Utara) di Pulau Pinang akan diperkasakan melalui pelbagai sektor khususnya hartanah.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon berkata, penyertaan mereka akan disokong oleh syarikat milik kerajaan (GLC) bagi memastikan bumiputera tidak ketinggalan dalam projek pembangunan Koridor Utara itu.

"Penyertaan golongan bumiputera akan melalui sokongan GLC dan entiti syarikat hartanah bumiputera dan pelabur tempatan yang mempunyai asas kewangan kukuh dan saya yakin mereka akan terus menjadi pemangkin kepada pembangunan," katanya, di sini.

Tsu Koon berkata, semua pihak termasuk golongan bumiputera akan berkongsi manfaat berikutan syarikat GLC dan sektor swasta akan menjadi pemacu utama bagi menjayakan sasaran Pulau Pinang sebagai hab logistik untuk Koridor Utara.

Beliau berkata, walaupun pembangunan sektor komersial dan perumahan banyak didukung oleh GLC dan pelabur tempatan, namun kerajaan mungkin akan menimbangkan pelaburan asing bagi merencanakan sektor hartanah pada masa depan.

Menurutnya, selain itu, Pulau Pinang juga akan memberi tumpuan kepada usaha menarik pelabur asing dalam sektor elektrik dan elektronik bagi mengukuhkan kemajuan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), bioteknologi dan pembuatan berasaskan

teknologi termaju.

Justeru, katanya, pengusaha-pengusaha tempatan termasuk bumiputera juga akan diasuh untuk memberi perkhidmatan sokongan kepada syarikat multinasional yang beroperasi dalam bidang tersebut.

"Ia bertujuan supaya pada satu hari kelak mereka juga akan mampu menjadi pembekal komponen dan peralatan bertaraf antarabangsa," jelasnya.

Terdahulu dalam ucapannya, Tsu Koon berkata, Pulau Pinang sebagai hab logistik Koridor Utara akan menjadi gerbang kepada pelaburan berasaskan import dan eksport bagi wilayah tersebut dengan kemudahan bertaraf antarabangsa.

Beliau berkata, antaranya ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pelabuhan Pulau Pinang, Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Kedua Pulau Pinang serta rangkaian jalan raya darat, monorel dan Rapid Penang.

Menurutnya, kemudahan tersebut dijangka mampu melonjakkan lagi peranan menarik pelaburan syarikat multinasional dan seterusnya mengagihkan manfaat itu kepada negeri jiran.

"Pengangkutan awam yang lebih berkesan akan melicinkan projek pembangunan termasuk dalam bidang hartanah. Kerajaan negeri akan memastikan lebih banyak projek perumahan termasuk rumah mampu beli dibina bagi menampung keperluan rakyat pada masa depan," katanya.

Tsu Koon berkata, pembangunan rancak di negeri ini akan meningkatkan kuasa beli rakyat dan menyebabkan pelancongan domestik terus berkembang.